



26 Disember 2025
26 December 2025
P.U. (A) 461

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN GAS
(PINDAAN) 2025

GAS SUPPLY (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BEKALAN GAS 1993

PERATURAN-PERATURAN BEKALAN GAS (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 39 Akta Bekalan Gas 1993 [Akta 501], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bekalan Gas (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 31 Disember 2025.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997 [P.U. (A) 287/1997], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pepasangan”;
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “a installation” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “an installation”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “kelengkapan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “kelengkapan”;
- (d) dengan menggantikan perkataan “paip perkhidmatan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “paip perkhidmatan”;
- (e) dengan menggantikan perkataan “kelulusan untuk memasang” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Kelulusan Untuk Memasang”;

- (f) dengan menggantikan perkataan “kelulusan untuk mengendali” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “Kelulusan Untuk Mengendali”; dan
- (g) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “the the Commission” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “the Commission”.

Pindaan peraturan 2

3. Peraturan 2 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan sebelum takrif “gegasan gas” takrif yang berikut:
 - ‘ “aksesori gas” termasuklah apa-apa pengesan gas, pita pembalut, klip gas, kapit gas, pita kedap atau apa-apa item yang digunakan atau dipasang sebagai suatu aksesori kepada mana-mana talian paip pengagihan atau sistem perpaipan;’
- (b) dalam takrif “gegasan gas”—
 - (i) dengan memotong perkataan “yang digunakan sebagai penyambung”; dan
 - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “pengganding,” perkataan “bebibir, hos, penyambung peralihan, tiub, paip,”;
- (c) dengan memasukkan selepas takrif “Jurutera Gas” takrif yang berikut:
 - ‘ “kebenaran untuk bekerja” ertinya suatu kebenaran yang diperoleh di bawah peraturan 61;’
- (d) dengan memotong takrif “kelengkapan gas”;

(e) dengan memasukkan sebelum takrif “kerja” takrif yang berikut:

‘ “Kelulusan untuk Memasang” ertinya kelulusan yang disebut dalam peraturan 15;

“Kelulusan untuk Mengendali” ertinya kelulusan yang disebut dalam peraturan 16;’;

(f) dengan menggantikan takrif “kerja” dengan takrif yang berikut:

‘ “kerja” ertinya kerja yang berikut:

(a) memasang talian paip pengagihan atau sistem perpaipan;

(b) membina, mentauliah, membersihkan, menguji, memasang, gas masuk, mengendali, menyenggara, menservis, melaras, membaiki, mengubah atau membaharui talian paip pengagihan atau sistem perpaipan;

(c) mengubah kedudukan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan; atau

(d) mengalihkan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan;’;

(g) dalam takrif “membersihkan”, dengan menggantikan perkataan “paip perkhidmatan gas, meter, kelengkapan gas atau perkakas gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;

(h) dengan menggantikan takrif “orang bertanggungjawab” dengan takrif yang berikut:

‘ “orang bertanggungjawab” ertinya mana-mana orang yang dilantik di bawah peraturan 102A;’;

- (i) dengan memotong takrif “paip gas utama”;
- (j) dengan memotong takrif “Pemegang Lesen Gas Persendirian”;
- (k) dengan memotong takrif “Pemegang Lesen Penggunaan Gas”;
- (l) dengan memotong takrif “pepasangan gas domestik”;
- (m) dengan menggantikan takrif “pepasangan gas tambahan” dengan takrif yang berikut:

‘ “pepasangan tambahan” ertinya suatu tambahan apa-apa talian paip kepada pemasangan yang sedia ada dalam talian paip pengagihan atau sistem perpaipan, termasuk pengubah laluan, yang tidak ditunjukkan dalam lukisan yang telah diluluskan bagi pemasangan sedia ada;’;

- (n) dengan memasukkan selepas takrif “pepasangan gas tambahan” takrif yang berikut:

‘ “pindaan” ertinya apa-apa pindaan kepada pemasangan sedia ada dalam talian paip pengagihan atau sistem perpaipan termasuk apa-apa penggantian tetapi tidak termasuk apa-apa pemasangan tambahan;’;

- (o) dengan memotong takrif “perkakas gas”;
- (p) dengan memasukkan selepas takrif “pindaan” sebagaimana yang dimasukkan takrif yang berikut:

‘ “sistem perpaipan domestik” ertinya sistem perpaipan dalam sebuah rumah kediaman persendirian yang tidak digunakan dalam mana-mana hotel atau rumah tumpangan atau bagi maksud

menjalankan apa-apa perniagaan, perdagangan atau profesion atau bagi menyediakan apa-apa perkhidmatan;’; dan

- (q) dalam takrif “tekanan pengendalian”, dengan menggantikan perkataan “sistem gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 3

4. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan gas” dengan perkataan “talian paip, sistem perpaipan atau pemasangan”;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan gas” dengan perkataan “talian paip, sistem perpaipan atau pemasangan”;
- (iii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan gas.” dengan perkataan “talian paip, sistem perpaipan atau pemasangan; dan”; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) terminal penggasan semula.”; dan

- (b) dalam subperaturan (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “talian paip gas” dengan perkataan “talian paip atau sistem perpaipan”;

- (ii) dengan menggantikan perkataan “paip, gegasan, meter, kelengkapan, radas atau perkakas” dengan perkataan “gegasan gas, perkakas gas, aksesori gas atau kelengkapan”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “talian paip” perkataan “atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 5

5. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Orang yang memohon suatu lesen di bawah seksyen 11 Akta boleh melantik seorang wakil untuk bertindak bagi pihaknya.”.

Pemotongan peraturan 10

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 10.

Pindaan Bahagian III

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam kepala Bahagian III dengan menggantikan perkataan “PEPASANGAN GAS” dengan perkataan “TALIAN PAIP PENGAGIHAN DAN SISTEM PERPAIPAN”.

Penggantian peraturan 13

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 13 dengan peraturan yang berikut:

“Pengelasan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan.

13. Pengelasan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan hendaklah mengikut kelas yang dinyatakan dalam Jadual 1 Jadual Kedua.”.

Pindaan peraturan 14

9. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pepasangan” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 15

10. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Sebelum memulakan kerja pada mana-mana talian paip pengagihan atau sistem perpaipan baharu, tambahan atau pindaan, seseorang hendaklah memohon kepada Suruhanjaya bagi suatu Kelulusan untuk Memasang dan hendaklah melampirkan lukisan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”;

- (b) dalam subperaturan (3), dengan memasukkan selepas perkataan “Peraturan-Peraturan ini” perkataan “dan mengeluarkan suatu Kelulusan untuk Memasang”;

- (c) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “pepasangan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan

- (d) dengan memasukkan selepas subperaturan (5) subperaturan yang berikut:

“(6) Suruhanjaya boleh membatalkan Kelulusan untuk Memasang yang dikeluarkan di bawah subperaturan (3) jika suatu permohonan untuk membatalkan Kelulusan untuk Memasang dibuat—

- (a) oleh pemunya talian paip pengagihan atau sistem perpaipan itu; atau

(b) oleh Kontraktor Gas dengan syarat permohonan itu ditentukan oleh pemunya talian paip pengagihan atau sistem perpaipan itu.

(7) Permohonan di bawah subperaturan (6)(a) hendaklah dibuat mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

Penggantian peraturan 16

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 16 dengan peraturan yang berikut:

“Kelulusan untuk Mengendali. 16. (1) Apabila siap suatu kerja baharu, tambahan atau pindaan pada talian paip pengagihan atau sistem perpaipan, seseorang hendaklah memohon suatu Kelulusan untuk Mengendali daripada Suruhanjaya dengan mengemukakan suatu permohonan berserta perakuan siap, perakuan ujian dan lukisan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Lukisan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah diendorskan oleh Jurutera Gas, Penyelia Kejuruteraan Gas, Jurugegas Gas Kelas I atau Jurugegas Gas Kelas II, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Suruhanjaya boleh meluluskan permohonan itu jika ia berpuas hati bahawa pemohon itu telah memenuhi kehendak Peraturan-Peraturan ini dan apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Apabila permohonan di bawah subperaturan (3) diluluskan, Suruhanjaya hendaklah mengeluarkan suatu Kelulusan untuk Mengendali, yang mengandungi terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(5) Suruhanjaya boleh membatalkan Kelulusan untuk Mengendali yang dikeluarkan di bawah subperaturan (4) jika—

(a) suatu permohonan pembatalan Kelulusan untuk Mengendali dibuat oleh—

(i) pemunya talian paip pengagihan atau sistem perpaipan; atau

(ii) Kontraktor Gas dengan syarat bahawa permohonan itu ditentusahkan oleh pemunya talian paip pengagihan atau sistem perpaipan; atau

(b) apabila pemeriksaan dijalankan, Suruhanjaya mendapati suatu talian paip pengagihan atau sistem perpaipan itu tidak mematuhi Kelulusan untuk Mengendali dan ketidakpatuhan itu tidak dibetulkan dalam tempoh masa yang munasabah sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(6) Permohonan di bawah subperenggan (5)(a) hendaklah dibuat mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(7) Fi yang kena dibayar untuk memproses permohonan dan pengeluaran Kelulusan untuk Mengendali dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Ketiga.”.

Pindaan peraturan 17

12. Peraturan 17 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “dalam Borang B yang ditetapkan dalam Jadual Pertama” dengan perkataan “mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya”;
- (b) dengan memotong perkataan “yang bersesuaian”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “kerja pemasangan itu” dengan perkataan “kerja di suatu talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 18

13. Peraturan 18 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pemasangan gas baru atau pemasangan gas tambahan, pemasangan gas baru atau pemasangan gas tambahan itu” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan baharu, suatu talian paip pengagihan atau sistem perpaipan tambahan atau suatu talian paip pengagihan atau sistem perpaipan pindaan, talian paip pengagihan atau sistem perpaipan baharu, tambahan atau pindaan itu”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Perakuan Ujian yang hendaklah dalam Borang C yang ditetapkan dalam Jadual Pertama” dengan perkataan “perakuan ujian yang hendaklah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya”.

Pemotongan peraturan 19 dan 20

14. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 19 dan 20.

Penggantian peraturan 21

15. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 21 dengan peraturan yang berikut:

- | | |
|---|--|
| “Kehadiran secara fizikal orang kompeten. | 21. (1) Tiap-tiap kerja pada suatu talian paip pengagihan atau sistem perpaipan hendaklah diselia oleh orang kompeten dan kehadiran secara fizikal orang kompeten itu dikehendaki di talian paip pengagihan atau sistem perpaipan itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), “orang kompeten” hendaklah seorang orang kompeten yang diambil kerja secara sepenuh masa oleh Kontraktor Gas yang menjalankan kerja di talian paip pengagihan atau sistem perpaipan itu.”. |
|---|--|

Penggantian peraturan 22

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 22 dengan peraturan yang berikut:

- | | |
|-----------------------------|--|
| “Penentuan titik penamatan. | 22. (1) Titik penamatan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan yang dibekalkan dengan gas hendaklah ditentukan oleh pemegang lesen pengagihan atau pemegang lesen peruncitan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Suruhanjaya boleh menentukan titik penamatan yang disebut dalam subperaturan (1) dalam mana-mana keadaan sekiranya difikirkan perlu.

(3) Titik penamatan yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah subperaturan (2) hendaklah dimaklumkan kepada pemegang lesen pengagihan atau pemegang lesen peruncitan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”. |
|-----------------------------|--|

Penggantian peraturan 23

17. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 23 dengan peraturan yang berikut:

“Pemeriksaan dan ujian talian paip pengagihan dan sistem perpaipan.

23. (1) Suruhanjaya boleh memeriksa dan menguji suatu talian paip pengagihan atau sistem perpaipan selepas memberikan notis tentang niat untuk memeriksa dan menguji kepada pemegang lesen pengagihan, orang bertanggungjawab atau pemunya talian paip pengagihan atau sistem perpaipan itu mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Apabila notis di bawah subperaturan (1) diterima, pemegang lesen pengagihan, orang bertanggungjawab atau pemunya talian paip pengagihan atau sistem perpaipan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengadakan atau menyebabkan diadakan apa-apa persediaan yang perlu bagi menjalankan pemeriksaan dan ujian itu dan hendaklah hadir secara fizikal semasa pemeriksaan dan ujian itu.”.

Pindaan peraturan 24

18. Peraturan 24 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat termasuk dalam nota birai dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 25

19. Peraturan 25 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat termasuk dalam nota birai dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 26

20. Peraturan 26 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Pemasangan gas yang ditempatkan dahulu atau ditandakan” dengan perkataan “Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan yang ditempatkan dahulu atau ditandakan”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “pemasangan gas dicampur” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan dicampur”.

Pindaan peraturan 27

21. Peraturan 27 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Pemasangan” dengan perkataan “Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pemasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (c) dalam subperaturan (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “mengganggu pemasangan gas dengan melalui atas, bawah atau menutupi pemasangan gas” dengan perkataan “mengganggu talian paip pengagihan atau sistem perpaipan dengan melalui atas, bawah atau menutupi talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen bagi pembuangan atau pengubahan pemasangan gas” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang

berkenaan, bagi pembuangan atau pengubahan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 28

22. Peraturan 28 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen yang mengendalikan dalam kawasan itu atau ejennya” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang mengendalikan dalam kawasan itu”.

Pindaan peraturan 29

23. Peraturan 29 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen atau ejen tentang lokasi pemasangan gas” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian tentang lokasi talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen atau ejennya” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 30

24. Peraturan 30 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen atau ejen mengenai lokasi pemasangan gas” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian mengenai lokasi talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dalam subperaturan (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen atau ejennya” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “apa-apa talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Pemegang lesen atau ejennya” dengan perkataan “Pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan peraturan 31

25. Peraturan 31 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula subperaturan (1) sedia ada sebagai peraturan 31; dan

- (b) dalam perenggan 31(b) yang dinomborkan semula, dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 32

26. Peraturan 32 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen atau ejennya” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan peraturan 33

27. Peraturan 33 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “berhampiran dengan pemasangan gas” dengan perkataan “berhampiran dengan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “penyeliaan” perkataan “dan dengan kehadiran secara fizikal”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “kelas pemasangan gas itu” dengan perkataan “kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan yang dinyatakan dalam Jadual 1 Jadual Kedua”.

Pindaan peraturan 34

28. Peraturan 34 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 35

29. Peraturan 35 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 36

30. Peraturan 36 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Pemasangan gas” dengan perkataan “Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen atau ejennya” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”; dan
- (c) dalam subperaturan (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Pemegang lesen atau ejennya” dengan perkataan “Pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 37

31. Peraturan 37 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Pemasangan gas bukan logam” dengan perkataan “Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan bukan logam”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “pemasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen atau ejennya” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan peraturan 38

32. Peraturan 38 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen atau ejennya untuk mengenal pasti lokasi pemasangan gas itu” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mengenal pasti lokasi talian paip pengagihan atau sistem perpaipan itu”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “pemasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 39

33. Peraturan 39 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pemasangan gas” di mana-mana jua terdapat termasuk dalam nota birai dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 40

34. Subperaturan 40(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “38” dengan perkataan “39”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen yang berkaitan atau ejennya” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, peruncitan atau gas persendirian yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan peraturan 41

35. Peraturan 41 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “oleh pemegang lesen” dengan perkataan “oleh pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian mengikut, mana-mana yang berkenaan”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen atau ejennya” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan peraturan 42

36. Peraturan 42 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “27 hingga 40” dengan perkataan “28 hingga 39”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen yang berkaitan atau ejennya” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan peraturan 43

37. Peraturan 43 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 44

38. Peraturan 44 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “kepada pemasangan gas” dengan perkataan “pada suatu talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “pepasangan itu” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan itu”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen” dengan perkataan “dan pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian”.

Pindaan peraturan 45

39. Peraturan 45 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menomborkan semula subperaturan (1) sedia ada sebagai peraturan 45;
- (b) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (c) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen” dengan perkataan “dan pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian”.

Pindaan peraturan 46

40. Peraturan 46 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “pepasangan” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “dan pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian,”.

Pindaan peraturan 47

41. Peraturan 47 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen” dengan perkataan “dan pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian”; dan
- (b) dalam perenggan (b)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen” dengan perkataan “dan pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 48

42. Peraturan 48 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (b) dalam subperaturan (2) dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen” dengan perkataan “dan pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

Pindaan peraturan 49

43. Peraturan 49 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “dan pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan”.

Pindaan peraturan 50

44. Peraturan 50 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (b) dalam perenggan (c) dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen” dengan perkataan “dan pemegang lesen pengagihan, pemegang

lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan peraturan 51

45. Peraturan 51 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “Talian paip gas” dengan perkataan “Paip perkhidmatan”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “talian paip gas perkhidmatan” dengan perkataan “paip perkhidmatan”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “talian paip itu” dengan perkataan “paip perkhidmatan itu”.

Pindaan peraturan 52

46. Peraturan 52 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat termasuk dalam nota birai dengan perkataan “talian paip perkhidmatan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 55

47. Peraturan 55 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “ditambah kepadanya bauan” perkataan “oleh pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “ejen pemberi amaran” perkataan “, sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya”.

Pindaan peraturan 56

48. Peraturan 56 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “talian paip gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (c) dalam subperaturan (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “talian paip gas, gegasan gas atau kelengkapan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan, sistem perpaipan, gegasan gas atau kelengkapan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “talian paip gas, gegasan gas atau kelengkapan gas itu melainkan jika talian paip gas, gegasan gas atau kelengkapan gas itu dibina daripada bahan yang tidak boleh terkakis atau ia terlindung dengan sesuainya daripada terkakis sedemikian” dengan perkataan “talian paip pengagihan, sistem perpaipan, gegasan gas atau kelengkapan itu”.

Peraturan baharu 56A

49. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 56 peraturan yang berikut:

“Pemasangan pengesan kebocoran gas dan peranti penutup automatik.

56A. Pemunya mana-mana premis hendaklah memasang suatu pengesan kebocoran gas dan peranti penutup automatik sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya di mana-mana lokasi strategik di dalam talian paip pengagihan atau sistem.”.

Pindaan peraturan 57

50. Peraturan 57 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “talian paip gas” di mana-mana jua terdapat termasuk dalam nota birai dengan perkataan “talian paip pengagihan, sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 58

51. Peraturan 58 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “talian paip gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau bolong jika penggunaan talian paip gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan, sistem perpaipan atau bolong jika penggunaan talian paip pengagihan, sistem perpaipan atau bolong”.

Pindaan peraturan 59

52. Peraturan 59 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “talian paip gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau mana-mana bahagian pemasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan, sistem perpaipan atau mana-mana bahagian talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 60

53. Peraturan 60 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (c) dalam subperaturan (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “subseksyen” dengan perkataan “subperaturan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (d) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (e) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (f) dalam subperaturan (5)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas, gas yang hendak dibekalkan melalui pemasangan itu hendaklah dihantarkan ke dalam keseluruhan pemasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan, gas yang hendak dibekalkan melalui talian paip pengagihan atau sistem perpaipan

itu hendaklah dihantarkan ke dalam keseluruhan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “talian paip gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 61

54. Peraturan 61 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;

- (b) dalam subperaturan (1)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mendapatkan kelulusan muktamad” dengan perkataan “atau pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tujuan rekod”; dan

- (ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) mendapatkan kebenaran untuk bekerja yang dikeluarkan oleh pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan, pemegang lesen gas persendirian atau pemunya sistem perpaipan yang hendaklah mengandungi maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya”;

- (iii) dalam perenggan (*e*), dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (iv) dalam perenggan (*f*)—
 - (A) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
 - (B) dengan menggantikan perkataan “pepasangan itu” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan itu”;
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:
 - “(1A) Apabila selesai kerja atau tamat tempoh masa bekerja, kebenaran untuk bekerja hendaklah terbatal secara automatik.
 - (1B) Mana-mana orang yang tidak mendapatkan kebenaran untuk bekerja di bawah perenggan 1(*b*) melakukan suatu kesalahan.”;
- (d) dalam subperaturan (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “subseksyen” dengan perkataan “subperaturan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;

(e) dalam subperaturan (3)—

- (i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (b);
- (ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan dengan perkataan “; dan”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

“(d) membuat suatu pengakuan bahawa kerja itu telah dilengkapkan dan semua orang yang berada di bawah pengawasannya, bahan dan kelengkapan telah dikeluarkan daripada tapak atau kerja itu masih belum dilengkapkan dan bahawa kebenaran untuk meneruskan kerja telah dipohon.”; dan

(f) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Jika seseorang gagal untuk mematuhi peraturan ini, Suruhanjaya boleh mengarahkan kerja di talian paip pengagihan atau sistem perpaipan itu digantung atau dihentikan.”.

Pindaan peraturan 62

55. Peraturan 62 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “talian paip gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan

- (c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Orang bertanggungjawab atau wakilnya hendaklah memastikan bahawa talian paip gas itu” dengan perkataan “Pemegang lesen pengagihan, orang bertanggungjawab atau wakilnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memastikan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan itu”.

Pindaan peraturan 63

56. Peraturan 63 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan memasukkan selepas perkataan “Kewajipan” perkataan “pemegang lesen pengagihan,”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “orang bertanggungjawab atau wakilnya mengetahui atau mempunyai alasan untuk mengesyaki bahawa gas bocor ke dalam premis” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, orang bertanggungjawab atau wakilnya mengetahui atau mempunyai alasan untuk mengesyaki bahawa gas bocor daripada talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (c) dalam subperaturan (2)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “ke dalam premis” dengan perkataan “daripada talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “gas yang berterusan, orang bertanggungjawab” dengan perkataan “gas yang berterusan, pemegang lesen pengagihan, orang yang bertanggungjawab”; dan

- (iii) dengan menggantikan perkataan “atau pemegang lesen” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan peraturan 64

57. Peraturan 64 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “telah diambil oleh” perkataan “pemegang lesen pengagihan,”; dan
- (b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Kerja pembaikan bagi maksud pembekalan semula gas yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dijalankan oleh orang kompeten atau mana-mana orang lain dengan penyeliaan orang kompeten mengikut peraturan 21.”.

Pindaan peraturan 65

58. Peraturan 65 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “paip utama gas” dengan perkataan “talian paip penghantaran, talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;
- (b) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau perjanjian khas”;
- (c) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas yang disambung kepada paip utama gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan

- (d) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “atau pemasangan gas” dengan perkataan “, talian paip penghantaran, talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Penggantian peraturan 66

59. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 66 dengan peraturan yang berikut:

“Cagaran. 66. (1) Pemegang lesen penggasan semula, pemegang lesen pengangkutan atau pemegang lesen pengagihan boleh menghendaki pengguna untuk mendeposit suatu amaun cagaran yang munasabah dalam masa tujuh hari dari tarikh penyampaian notis tuntutan oleh pemegang lesen itu, yang jumlahnya hendaklah mencukupi untuk menanggung anggaran caj pembekalan gas bagi tempoh tidak melebihi tiga bulan.

(2) Pemegang lesen pengiriman atau pemegang lesen peruncitan boleh menghendaki pengguna untuk mendeposit amaun cagaran yang munasabah dalam masa tujuh hari dari tarikh penyampaian notis tuntutan oleh pemegang lesen itu, yang jumlahnya hendaklah mencukupi untuk menanggung anggaran caj pembekalan gas bagi tempoh tidak melebihi dua bulan.

(3) Jika pemegang lesen penggasan semula, pemegang lesen pengangkutan, pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen pengiriman atau pemegang lesen peruncitan menghendaki pengguna untuk mendeposit suatu amaun cagaran melebihi daripada jumlah yang dinyatakan dalam subperaturan (1) dan (2), pemegang lesen itu boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk meminda amaun cagaran mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(4) Pindaan amaun cagaran yang disebut dalam subperaturan (3) hendaklah tertakluk pada kelulusan Suruhanjaya.

(5) Cagaran itu tidak boleh dianggap sebagai bayaran pendahuluan dan tidak melepaskan pengguna daripada mana-mana liabiliti di bawah peraturan 69.”.

Penggantian peraturan 67

60. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 67 dengan peraturan yang berikut:

“Pemulangan
cagaran.

67. (1) Pemegang lesen penggasan semula, pemegang lesen pengiriman, pemegang lesen pengangkutan, pemegang lesen pengagihan dan pemegang lesen peruncitan hendaklah memulangkan kepada pengguna cagaran yang telah dideposit oleh pengguna mengikut peraturan 66 dengan syarat—

(a) pengguna telah mengosongkan premis dan semua caj terakru telah dibayar mengikut peraturan 71; atau

(b) pembekalan gas atau pembekalan perkhidmatan kepada atau penggunaan kemudahan oleh pengguna telah diberhentikan atau dipotong oleh pemegang lesen dan semua caj terakru telah dibayar.

(2) Cagaran hendaklah dipulangkan oleh pemegang lesen kepada pengguna dalam tempoh tiga bulan selepas—

(a) tarikh premis telah dikosongkan oleh pengguna; atau

(b) tarikh pembekalan gas atau pembekalan perkhidmatan atau penggunaan kemudahan dihentikan atau dipotong oleh pemegang lesen.

(3) Pemulangan cagaran itu hendaklah tertakluk kepada pemotongan apa-apa caj terakru oleh pemegang lesen.

(4) Sekiranya pengguna tidak berpuas hati dengan pemotongan yang dibuat oleh pemegang lesen di bawah subperaturan (3), pengguna itu boleh memohon kepada Suruhanjaya untuk menentukan amaun caj terakru dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(5) Amaun caj terakru yang ditentukan oleh Suruhanjaya di bawah subperaturan (4) hendaklah dipulangkan oleh pemegang lesen kepada pengguna.”.

Pemotongan peraturan 68

61. Peraturan-Peraturan itu dipinda dengan memotong peraturan 68.

Penggantian peraturan 69

62. Peraturan-Peraturan itu dipinda dengan menggantikan peraturan 69 dengan peraturan yang berikut:

“Caj pembekalan gas dan penyambungan semula.

69. (1) Pemegang lesen, kecuali pemegang lesen gas persendirian, hendaklah menghantar suatu inoivis kepada pengguna bagi pembekalan gas, pembekalan perkhidmatan atau penggunaan kemudahan dan pengguna itu hendaklah membayar amaun caj yang dinyatakan dalam inoivis itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1)—

(a) pemegang lesen pengagihan dan pemegang lesen peruncitan hendaklah menghantar invois itu secara bulanan dan amaun caj itu hendaklah dibayar oleh pengguna dalam tempoh dua puluh satu hari bekerja dari tarikh invois; dan

(b) pemegang lesen, selain pemegang lesen pengagihan dan pemegang lesen peruncitan, hendaklah menghantar invois itu dan tarikh bayaran amaun caj itu hendaklah dipersetujui bersama oleh pihak-pihak.

(3) Dalam keingkarannya pembayaran amaun caj di bawah subperaturan (1), pemegang lesen boleh memotong pembekalan gas atau memberhentikan pembekalan perkhidmatan atau penggunaan kemudahan tanpa memberi apa-apa notis.

(4) Pemegang lesen boleh mengenakan suatu caj penyambungan semula sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya, yang hendaklah dibayar terlebih dahulu, bagi penyambungan semula pembekalan gas atau pembekalan semula perkhidmatan atau penggunaan kemudahan.

(5) Bagi maksud pemegang lesen peruncitan, invois yang disebut di bawah subperaturan (1) hendaklah juga mengandungi amaun caj dan kehendak di bawah subperaturan 71(1) dan (2).".

Pindaan peraturan 70

63. Peraturan 70 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “Pemegang lesen kecuali pemegang lesen gas persendirian”;
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan “yang telah dipotong” perkataan “atau pemberian perkhidmatan atau penggunaan kemudahan yang telah diberhentikan”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “69(2)” dengan perkataan “69(3)”;
- (d) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “69(2)” dengan perkataan “69(3)”;
- (e) dalam perenggan (b)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “fee” dengan perkataan “caj”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “69(3)” dengan perkataan “69(4)”;
- (f) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “subseksyen 17(1) Akta dan subperaturan 66(1)” dengan perkataan “subseksyen 17(1) dan (2) Akta”.

Pindaan peraturan 71

64. Peraturan 71 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pemegang lesen pengiriman atau pemegang lesen peruncitan”; dan

- (b) dalam subperaturan (5), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas” dengan perkataan “talian paip penghantaran, talian paip pengagihan, sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 72

65. Peraturan 72 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

“Obligasi memotong pembekalan gas.”;

- (b) dalam subperaturan (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Pegawai yang diberikuasa” dengan perkataan “Pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “apabila diberitahu” perkataan “oleh pegawai yang diberi kuasa”;

- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Bagi maksud subperaturan (1), pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan hendaklah memastikan bahawa pemotongan bekalan gas dilakukan oleh orang kompeten atau orang bertanggungjawab.”; dan

- (d) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “enggan untuk menyambung pemasangan gas atau mana-mana bahagiannya ke paip utama gas” dengan perkataan “mengeluarkan notis untuk melarang pemegang lesen, pemunya atau pengendali pemasangan daripada menyambung pembekalan gas”.

Penggantian peraturan 73

66. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 73 dengan peraturan yang berikut:

“Kuasa pemegang lesen untuk memotong.

73. (1) Jika suatu pemasangan disambung kepada talian paip penghantaran, talian paip pengagihan atau sistem perpaipan, atau penggantian, penambahan atau pengubahan kepada talian paip pengagihan atau sistem perpaipan dibuat yang melanggar Akta atau Peraturan-Peraturan ini, pemegang lesen boleh, selepas memberikan notis tidak kurang dari dua puluh empat jam kepada pengguna, memotong pembekalan gas itu daripada pemasangan.

(2) Apabila pemotongan pembekalan gas dibuat menurut superaturan (1), pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Suruhanjaya dalam tempoh dua puluh empat jam dari masa pemotongan itu.”.

Penggantian peraturan 74

67. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 74 dengan peraturan yang berikut:

“Kemasukan ke dalam premis untuk memeriksa, dsb., pemasangan, dsb.

74. Mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen boleh, pada bila-bila masa yang munasabah, dengan mengemukakan dokumen yang disahkan sewajarnya tentang kuasanya, masuk ke dalam premis yang dibekalkan dengan gas oleh pemegang lesen atau oleh pemegang lesen yang lain melalui pemasangan pemegang lesen yang disebut dahulu bagi maksud yang berikut:

(a) untuk memeriksa pemasangan yang dimiliki oleh pemegang lesen yang disebut dahulu;

- (b) untuk menentukan bacaan meter yang dimiliki oleh pemegang lesen yang disebut dahulu;
- (c) untuk menanggalkan meter yang dimiliki oleh pemegang lesen yang disebut dahulu;
- (d) untuk memasang meter baharu; atau
- (e) dalam keadaan kecemasan.”.

Pindaan peraturan 75

68. Peraturan 75 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “pemegang lesen”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas itu, atau Pemegang Lesen Penggunaan Gas yang lain (sama ada keseluruhan atau sebahagiannya) melalui talian paip gas atau pemasangan gas Pemegang Lesen Penggunaan Gas yang disebut dahulu” dengan perkataan “pemegang lesen atau oleh pemegang lesen yang lain melalui pemasangan pemegang lesen yang disebut dahulu”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “gegasan gas, talian paip gas atau meter” dengan perkataan “pemasangan yang dimiliki oleh pemegang lesen yang disebut dahulu”; dan
- (d) dalam perenggan (e), dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “pemegang lesen”.

Pindaan peraturan 76

69. Peraturan 76 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;

(b) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “pemegang lesen”;

(ii) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) memasang talian paip pengagihan atau sistem perpaipan yang baharu sebagai ganti atau tambahan kepada talian pengagihan atau sistem perpaipan sedia ada yang telah dipasang menurut undang-undang; atau”; dan

(iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau kelengkapan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan

(c) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan gas” dengan perkataan “suatu talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “notis” perkataan “kepada pengguna atau penduduk premis, atau kepada pemunya premis yang tidak diduduki”.

Pindaan peraturan 77

70. Peraturan 77 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “pemegang lesen”;
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “Pemegang lesen”; dan
- (c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “pemegang lesen”.

Pindaan peraturan 78

71. Peraturan 78 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “pemegang lesen penggasan semula, pemegang lesen pengangkutan, pemegang lesen pengagihan atau pemegang lesen peruncitan”; dan
 - (ii) dengan memasukkan sebelum perkataan “dibekalkan” perkataan “dihantar atau”;
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “pemegang lesen penggasan semula, pemegang lesen pengangkutan, pemegang lesen pengagihan atau pemegang lesen peruncitan”;
- (c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “Pemegang lesen

penggasaan semula, pemegang lesen pengangkutan, pemegang lesen pengagihan atau pemegang lesen peruncitan”; dan

- (d) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “Pemegang lesen penggasaan semula, pemegang lesen pengangkutan, pemegang lesen pengagihan atau pemegang lesen peruncitan”.

Pindaan peraturan 79

72. Peraturan 79 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “pemegang lesen penggasaan semula, pemegang lesen pengangkutan, pemegang lesen pengagihan atau pemegang lesen peruncitan”; dan

- (b) dalam subperaturan (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pemegang lesen penggasaan semula, pemegang lesen pengangkutan, pemegang lesen pengagihan atau pemegang lesen peruncitan”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “pepasangan”.

Pindaan peraturan 80

73. Peraturan 80 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1)—

- (i) dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “Seorang pemegang lesen penggasan semula, pemegang lesen pengangkutan, pemegang lesen pengagihan atau pemegang lesen peruncitan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “fee yang ditentukan oleh Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “caj sebagaimana yang ditentukan oleh pemegang lesen itu”;
- (b) dalam subperaturan (2)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pemegang lesen”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “fee” dengan perkataan “caj”;
- (c) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Apabila dibuat ujian yang disebut di bawah subperaturan (2), pemegang lesen hendaklah membayar balik caj dan menyelaraskan akaun pengguna jika—

- (a) meter gas yang bersambungan dengan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan didapati tidak tepat lebih daripada dua peratus;
- (b) meter gas yang bersambungan dengan mana-mana talian paip yang lain, selain talian paip pengagihan atau sistem perpaipan, didapati tidak tepat mengikut peraturan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya; atau

(c) meter gas didapati merakamkan penggunaan gas walaupun tiada gas yang mengalir.”;

(d) dalam subperaturan (4)—

(i) dengan menggantikan perkataan “bil” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “invois”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “Pemegang Lesen Penggunaan Gas” dengan perkataan “pemegang lesen”; dan

(e) dengan memotong subperaturan (5).

Penggantian peraturan 81

74. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 81 dengan peraturan yang berikut:

“Pengawasan kerja 81. (1) Pengawasan oleh orang kompeten yang disebut oleh orang dalam seksyen 35 Akta hendaklah menghendaki kehadiran kompeten. secara fizikal orang kompeten itu.

(2) Ruang lingkup kerja orang kompeten dinyatakan dalam Jadual 2 Jadual Kedua.”.

Pindaan peraturan 83

75. Peraturan 83 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan memotong perkataan “dan ruang lingkup kerja orang kompeten”;

(b) dalam subperaturan (2)—

(i) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan gas” dengan perkataan “suatu talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan

(ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) menyelia kerja yang dijalankan oleh mana-mana orang di bawah kawalannya di talian paip pengagihan atau sistem perpaipan dan bertanggungjawab bagi kerja yang dijalankan oleh orang itu.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Penyeliaan yang dijalankan oleh pemegang perakuan di bawah perenggan (2)(b) hendaklah menghendaki kehadiran fizikalnya pada setiap masa semasa kerja di lokasi talian paip pengagihan atau sistem perpaipan.”.

Pindaan peraturan 86

76. Peraturan 86 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan “pegawai diberikuasa” dengan perkataan “Suruhanjaya”;

(ii) dengan menggantikan perkataan “dia” dengan perkataan “Suruhanjaya”; dan

- (iii) dengan memotong perkataan “dan hendaklah merujuk perkara itu dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penggantungan kepada Suruhanjaya”; dan
- (b) dalam subperaturan (4)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “diterima perkara yang dirujuk kepadanya di bawah subperaturan (3)” dengan perkataan “Perakuan Kekompetenan digantung”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “dalam masa tujuh hari” dengan perkataan “secepat yang dapat dilaksanakan”;
 - (iii) dengan memotong perkataan “yang lain”; dan
 - (iv) dengan menggantikan perkataan “kesalahan yang dipertuduhkan atau salah laku yang dirujuk oleh pegawai diberikuasa” dengan perkataan “kesalahan yang dipertuduhkan atau salah laku itu”.

Pindaan peraturan 89

77. Peraturan 89 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Jika Kontraktor Gas atau pemegang lesen yang menjalankan apa-apa kerja di mana-mana talian paip pengagihan atau sistem perpaipan mengambil kerja orang kompeten, kontraktor gas atau pemegang lesen itu hendaklah, dalam tempoh empat belas hari daripada permulaan perkhidmatan orang kompeten itu, memohon bagi orang kompeten itu didaftarkan dengan Suruhanjaya mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(6) Jika Kontraktor Gas atau pemegang lesen yang menjalankan apa-apa kerja di mana-mana talian paip pengagihan atau sistem perpaipan mengambil kerja seorang yang kemudiannya memperoleh Perakuan Kekompetenan semasa tempoh perkhidmatannya, Kontraktor Gas atau pemegang lesen itu hendaklah, dalam tempoh empat belas hari daripada tarikh penerimaan Perakuan Kekompetenan, memohon untuk orang itu didaftarkan dengan Suruhanjaya mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

Peraturan baharu 89A dan 89B

78. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 89 peraturan yang berikut:

“Penyerahan dokumen atau maklumat tambahan.	89A. Bagi maksud pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran orang kompeten di bawah subperaturan 89(1) dan (2), Suruhanjaya hendaklah menghendaki orang kompeten untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan berhubung dengan apa-apa kelayakan, pengalaman bekerja lain dan menghadiri kursus pembangunan berterusan yang berkaitan dengan pembangunan kompetensinya yang diadakan oleh Suruhanjaya dengan jumlah minimum markah sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.
Pembatalan pendaftaran orang kompeten.	89B. (1) Kontraktor Gas, orang kompeten atau pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Suruhanjaya untuk membatalkan pendaftaran orang kompeten dalam tempoh empat belas hari daripada pemberhentian perkhidmatan orang kompeten itu yang diambil bekerja oleh Kontraktor Gas atau pemegang lesen yang didaftarkan dengan Suruhanjaya di bawah peraturan 89.

(2) Apabila diterima pemberitahuan di bawah subperaturan (1), Suruhanjaya hendaklah menyebabkan pendaftaran orang kompeten itu dibatalkan.”.

Pindaan peraturan 91

79. Peraturan 91 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya” dengan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif”;
- (b) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya” dengan perkataan “Pengerusi Panel”; dan
- (c) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “Suruhanjaya” dengan perkataan “Pengerusi Panel”.

Pindaan peraturan 97

80. Peraturan 97 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(d), dengan menggantikan perkataan “kerja talian paip gas atau pemasangan” dengan perkataan “pemasangan”; dan
- (b) dalam perenggan 2(a), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan” dengan perkataan “pemasangan”.

Pindaan peraturan 98

81. Peraturan 98 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(c), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan” dengan perkataan “pemasangan”; dan

- (b) dalam subperaturan (2)(a), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan” dengan perkataan “pemasangan”.

Pindaan peraturan 99

82. Peraturan 99 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan 1(d) dengan perenggan yang berikut:

“(d) bahawa dia mempunyai pengalaman kerja yang bersesuaian sebagaimana yang ditentukan Panel;” dan

- (b) dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pemasangan”.

Pindaan peraturan 100

83. Peraturan 100 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (b)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “jenis” perkataan “gas, jenis kerja,”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “pemasangan” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan

- (b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “pemasangan gas” dengan perkataan “suatu talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Peraturan baharu 102A dan 102B

84. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 102 peraturan yang berikut:

“Pelantikan orang bertanggungjawab. 102A. (1) Pemegang lesen peruncitan atau pemegang lesen gas persendirian hendaklah melantik orang bertanggungjawab untuk menjaga sistem perpaipan mengikut terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi premis—

(a) yang merupakan premis kediaman persendirian;

(b) yang menerima pembekalan gas daripada pemegang lesen peruncitan; atau

(c) yang telah melantik orang kompeten untuk mengendalikan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Orang bertanggungjawab untuk menghadiri kursus. 102B. Orang bertanggungjawab hendaklah, sebagaimana dan apabila dikehendaki oleh Suruhanjaya, menghadiri kursus keselamatan dan pembekalan gas yang diiktiraf oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan peraturan 103

85. Peraturan 103 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Mana-mana kerja di—

(a) sistem perpaipan hendaklah dilaksanakan atau dijalankan oleh orang yang memegang Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Gas yang sah yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini; dan

(b) talian paip pengagihan hendaklah dilaksanakan atau dijalankan oleh pemegang lesen pengagihan atau mana-mana Kontraktor Gas yang dilantik oleh pemegang lesen pengagihan.”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Bagi maksud perenggan (1)(b), sekiranya kerja di talian paip pengagihan dijalankan oleh pemegang lesen pengagihan, kerja itu hendaklah dihadkan setakat menyenggarakan atau mengendalikan talian paip pengagihan itu.”.

Pindaan peraturan 105

86. Peraturan 105 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memotong perkataan “atau Penyelia Kejuruteraan Gas”; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 106

87. Peraturan 106 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan “sekurang-kurangnya seorang” perkataan “Penyelia Kejuruteraan Gas atau”; dan
- (b) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 107

88. Subperaturan 107(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 108

89. Subperaturan 108(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “sistem perpaipan”.

Pindaan Bahagian V

90. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam subkepala Bahagian V dengan menggantikan perkataan “dan Kelengkapan Gas” dengan perkataan “, Kelengkapan dan Aksesori Gas”.

Pindaan peraturan 116

91. Peraturan 116 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas” dengan perkataan “, kelengkapan dan aksesori gas”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas” dengan perkataan “, kelengkapan atau aksesori gas”;

- (c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas” dengan perkataan “, kelengkapan atau aksesori gas”;
- (d) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “dua belas bulan” dengan perkataan “tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun”; dan
- (e) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Pemegang mana-mana Perakuan Kelulusan boleh memohon kepada Suruhanjaya mengikut cara sebagaimana yang ditentukan bagi apa-apa pertukaran nama atau alamat pemasang, pengilang atau pengimport.

(5) Selepas mendapat kelulusan bagi apa-apa pertukaran nama atau alamat di bawah subperaturan (4), Suruhanjaya hendaklah mengeluarkan suatu Perakuan Kelulusan ganti.

(6) Fi bagi penggantian Perakuan Kelulusan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (5) dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Ketiga.”.

Peraturan baharu 116A

92. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 116 peraturan yang berikut:

“Pembatalan Perakuan Kelulusan bagi pemasang, pengilang atau pengimport.	116A. (1) Suruhanjaya boleh membatalkan Perakuan Kelulusan yang dikeluarkan di bawah peraturan 116 jika— (a) pemegang perakuan berhenti menjalankan perniagaan berkenaan dengan yang dia didaftarkan;
---	---

- (b) pemegang perakuan telah dihukum bankrap;
- (c) syarikat, pemegang perakuan, pemasang, pengilang atau pengimport berada dalam penyelesaian;
- (d) pemegang perakuan atau wakilnya melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan ini; atau
- (e) pemegang perakuan telah memperoleh perakuan dengan membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa deklaras, perakuan atau representasi secara palsu atau fraud, sama ada secara bertulis atau sebaliknya.

(2) Dalam keadaan pembatalan suatu perakuan di bawah subperaturan (1), pemegang perakuan itu tidak boleh menggunakan perakuan itu dalam apa-apa jua keadaan.”.

Pindaan peraturan 117

93. Peraturan 117 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas” dengan perkataan “, kelengkapan atau aksesori gas”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas” dengan perkataan “, kelengkapan atau aksesori gas”;

(c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas” dengan perkataan “, kelengkapan atau aksesori gas”; dan

(d) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Pemegang suatu Perakuan Kelulusan boleh memohon kepada Suruhanjaya mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya bagi apa-apa pertukaran nama atau alamat pemasang, pengilang atau pengimport.

(5) Selepas mendapat kelulusan bagi apa-apa pertukaran nama atau alamat di bawah subperaturan (4), Suruhanjaya hendaklah mengeluarkan suatu Peraturan Kelulusan ganti.

(6) Fi bagi penggantian Perakuan Kelulusan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (5) dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Ketiga.”.

Peraturan baharu 117A

94. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 117 peraturan yang berikut:

“Pembatalan	117A. (1)	Suruhanjaya boleh membatalkan Perakuan
Perakuan		Kelulusan yang dikeluarkan di bawah peraturan 117 jika—
Kelulusan	bagi	
gegasan	gas,	(a)
perkakas	gas,	perkakas gas, gegasan gas atau aksesori
aksesori gas atau		gas atau kelengkapan didapati tidak
kelengkapan.		selamat untuk digunakan selepas
		apa-apa pemeriksaan atau ujian;
		(b)
		orang yang baginya suatu perakuan
		dikeluarkan menggunakannya bagi
		maksud yang lain selain bagi sebab ia

dikeluarkan atau dalam cara yang dikira untuk mengelirukan atau memperdaya orang ramai;

(c) pemegang perakuan telah melanggar atau gagal mematuhi apa-apa peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan ini; atau

(d) pemegang perakuan telah memperoleh perakuan dengan membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa deklaras, perakuan atau representasi secara palsu atau fraud, sama ada secara bertulis atau sebaliknya.

(2) Dalam keadaan pembatalan suatu perakuan di bawah subperaturan (1), pemegang perakuan itu tidak boleh menggunakan perakuan itu dalam apa-apa jua keadaan.”.

Pindaan peraturan 119

95. Peraturan 119 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas” dengan perkataan “, kelengkapan atau aksesori gas”;

(b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “, kelengkapan atau aksesori gas”; dan

(c) dalam subperaturan (2)—

(i) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “Director” dengan perkataan “Commission”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “, kelengkapan atau aksesori gas”.

Pindaan peraturan 120

96. Peraturan 120 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas” dengan perkataan “, kelengkapan atau aksesori gas”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas” dengan perkataan “, kelengkapan atau aksesori gas”; dan
- (c) dalam subperaturan (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Pemohon” dengan perkataan “Apabila arahan bertulis dikeluarkan oleh Suruhanjaya, pemohon”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “atau kelengkapan gas di bawah subperaturan (1)” dengan perkataan “, kelengkapan atau aksesori gas”.

Pindaan Bahagian VI

97. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam kepala Bahagian VI dengan memasukkan selepas perkataan “PENYENGKARAAN” perkataan “TALIAN PAIP PENGAGIHAN DAN SISTEM PERPAIPAN”.

Pindaan peraturan 128

98. Peraturan 128 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;

(b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Pemasangan gas” dengan perkataan “Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;

(c) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Kewajipan untuk memastikan pematuhan standard keselamatan yang dikehendaki di bawah subperaturan (1)—

(a) dalam hal talian paip pengagihan, hendaklah pada pemegang lesen pengagihan; atau

(b) dalam hal sistem perpaipan, hendaklah pada orang bertanggungjawab dan pemunya sistem perpaipan.”;

(d) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Pemunya atau penghuni kepada sistem perpaipan hendaklah memberi orang bertanggungjawab akses yang munasabah ke premis sebagaimana yang dikehendaki untuk menjalankan tugasnya di bawah subperaturan (2).”;

(e) dalam subperaturan (3)—

(i) dengan menggantikan perkataan “Pemasangan gas domestik” dengan perkataan “Sistem perpaipan domestik”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “pemasangan gas lain” dengan perkataan “sistem perpaipan lain”;

(f) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(3A) Talian paip pengagihan hendaklah diperiksa, diuji dan diperakukan oleh orang kompeten pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.”; dan

(g) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “mengarahkan pemeriksaan, ujian dan pemerakuan apa-apa pemasangan gas dilakukan pada bila-bila masa” dengan perkataan “menghendaki mana-mana sistem perpaipan untuk diperiksa, diuji atau diperkakukan oleh orang kompeten pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya”.

Pindaan peraturan 129

99. Peraturan 129 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pemasangan gas atau premis di mana pemasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan, sistem perpaipan atau premis yang talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Suruhanjaya boleh menghendaki suatu pemeriksaan dibuat dengan menghantar suatu notis bertulis mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya —

(a) dalam hal talian paip pengagihan, kepada pemegang lesen pengagihan; dan

(b) dalam hal sistem perpaipan, kepada orang kompeten, orang bertanggungjawab atau

pemunya kepada sistem perpaipan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Pemegang lesen pengagihan, orang kompeten, orang bertanggungjawab atau pemunya sistem perpaipan yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah menghadiri pemeriksaan dan memberikan apa-apa bantuan sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan peraturan 130

100. Subperaturan 130(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 131

101. Peraturan 131 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Buku rekod penyenggaraan di bawah subperaturan (1) hendaklah disimpan—

(a) dalam hal talian paip pengagihan, oleh pemegang lesen pengagihan; dan

- (b) dalam hal sistem perpaipan, oleh orang kompeten, orang bertanggungjawab atau pemunya sistem perpaipan, mengikut mana-mana yang berkenaan.”.

Pindaan peraturan 132

102. Peraturan 132 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Tiada seorang pun selain orang kompeten yang diberikan kuasa oleh pemegang lesen pengagihan, pemegang lesen peruncitan, pemegang lesen gas persendirian atau Kontraktor Gas, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh—

- (a) membuka atau membuat sambungan pada talian paip pengagihan atau sistem perpaipan;
- (b) menyambung atau memotong alur meter; atau
- (c) mengalihkan meter.”.

Pindaan peraturan 133

103. Peraturan 133 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula peraturan sedia ada sebagai subperaturan (1);
- (b) dalam subperaturan (1) yang dinomborkan semula—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “perpaipan rumah” dengan perkataan “mana-mana talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;

- (ii) dalam subperaturan (a), dengan menggantikan perkataan “menggantikan sambungan pada” dengan perkataan “menutup”; dan
- (iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “perpaipan rumah” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) yang dinomborkan semula subperaturan yang berikut:

“(2) Penyeliaan oleh orang kompeten di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut peraturan 21.”.

Pindaan peraturan 134

104. Peraturan 134 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “sistem bekalan” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “orang bertanggungjawab tentang perkara itu” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, dalam hal talian paip pengagihan, dan orang bertanggungjawab atau pemunya sistem perpaipan, dalam hal sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 135

105. Peraturan 135 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “bahagian sistem bekalan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan “orang bertanggungjawab” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, dalam hal talian paip pengagihan, dan orang bertanggungjawab atau pemunya sistem perpaipan itu, dalam hal sistem perpaipan”.

Penggantian peraturan 136

106. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 136 dengan peraturan yang berikut:

“Penggantian meter. 136. Jika suatu meter pincang tugas atau luput, meter itu hendaklah digantikan—

(a) oleh pemegang lesen pengagihan atau pemegang lesen peruncitan; atau

(b) oleh pemunya sistem perpaipan jika meter dijual oleh pemegang lesen pengagihan atau pemegang lesen peruncitan.”.

Pindaan peraturan 137

107. Peraturan 137 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas atau kelengkapan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan, sistem perpaipan, gegasan gas, perkakas gas, aksesori gas atau kelengkapan”; dan

(b) dalam subperaturan (2)—

(i) dengan menggantikan perkataan “pepasangan gas atau kelengkapan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan

- (ii) dengan menggantikan perkataan “orang bertanggungjawab, pekerjaanya atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan” dengan perkataan “pemegang lesen pengagihan, dalam hal talian paip pengagihan, dan orang bertanggungjawab atau pemunya sistem perpaipan, dalam hal sistem perpaipan”.

Pindaan peraturan 140

108. Peraturan 140 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “Pengarah atau pegawai diberikuasa yang lain” dengan perkataan “pegawai diberi kuasa”;
- (b) dalam subperaturan (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “dengan talian paip gas atau pemasangan gas” dengan perkataan “dengan talian paip pengagihan, sistem perpaipan atau pemasangan”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “pada talian paip gas atau pemasangan gas” dengan perkataan “pada talian paip pengagihan, sistem perpaipan atau pemasangan”;
 - (iii) dengan memotong perkataan “Pengarah atau”; dan
 - (iv) dalam proviso, dengan menggantikan perkataan “atau kerja yang perlu” dengan perkataan “atau apa-apa kerja lain yang perlu”;
- (c) dalam subperaturan (3)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Pengarah atau pegawai diberikuasa yang lain” dengan perkataan “Suruhanjaya atau pegawai diberi kuasa”;

- (ii) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “arahan yang diberikan sewajarnya” dengan perkataan “apa-apa kod, garis panduan atau arahan yang dikeluarkan”;
 - (iii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”; dan
 - (iv) dengan menggantikan perkataan “, Pengarah atau pegawai diberikuasa yang lain” dengan perkataan “atau pegawai diberi kuasa”; dan
- (d) dalam subperaturan (4)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “dia hendaklah” dengan perkataan “Suruhanjaya hendaklah”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “laporan Pengarah atau orang diberikuasa yang disebut dalam subperaturan (2) berserta pendapatnya” dengan perkataan “laporan pegawai diberi kuasa yang disebut dalam subperaturan (1) berserta pendapat Suruhanjaya”.

Pindaan peraturan 141

109. Peraturan 141 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (1)(d), dengan menggantikan perkataan “talian paip gas atau pemasangan gas” dengan perkataan “talian paip pengagihan atau sistem perpaipan”;

- (b)* dalam perenggan (1)(h)—
 - (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “pengeluar” dengan perkataan “pengilang”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “dan kelengkapan gas” dengan perkataan “, kelengkapan dan aksesori gas”; dan
- (c)* dalam perenggan (1)(i), dengan menggantikan perkataan “dan kelengkapan gas” dengan perkataan “, kelengkapan dan aksesori gas”.

Pindaan Jadual Pertama

110. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a)* dengan memotong Borang A, B, C, D dan E;
- (b)* dengan menggantikan Borang F dengan borang yang berikut:

"No. Siri:

JADUAL PERTAMA

(Subperaturan 83(1) dan 92(2))

BORANG F

AKTA BEKALAN GAS 1993

*PERAKUAN KEKOMPETENAN JURUTERA GAS/
PENYELIA KEJURUTERAAN GAS**


Nama:

No. Kad Pengenalan Pemegang:

Tarikh Lahir Pemegang:

telah diperiksa dan didapati memiliki kelayakan yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997. Perakuan Kekompetenan sebagai JURUTERA GAS/PENYELIA KEJURUTERAAN GAS* dikeluarkan kepada orang yang dinamakan dan tidak boleh digunakan oleh orang lain.

Sekatan, jika ada :
Tempat dikeluarkan :
Tarikh dikeluarkan :
No. Perakuan :
Fi : RM
Nota :



.....
Bagi Pihak Suruhanjaya Tenaga

Nota:

Sekiranya Perakuan ini berada dalam milikan orang lain selain yang kepadanya ia dikeluarkan, ia hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Suruhanjaya Tenaga.

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan.”;

(c) dengan menggantikan Borang G dengan borang yang berikut:

“No. Siri:

JADUAL PERTAMA

(Subperaturan 83(1) dan 92(2))

BORANG G

AKTA BEKALAN GAS 1993

PERAKUAN KEKOMPETENAN SEBAGAI JURUGEGAS GAS


Nama:

No. Kad Pengenalan Pemegang:

Tarikh Lahir Pemegang:

telah diperiksa dan didapati memiliki kelayakan yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997. Perakuan Kekompetenan sebagai JURUGEGAS GAS (KELAS I/KELAS II/KELAS III)* dikeluarkan kepada orang yang dinamakan dan tidak boleh digunakan oleh orang lain.

Sekatan, jika ada :
 Tempat dikeluarkan :
 Tarikh dikeluarkan :
 No. Perakuan :
 Fi : RM
 Nota :



.....
Bagi Pihak Suruhanjaya Tenaga

Nota:

Sekiranya Perakuan ini berada dalam milikan orang lain selain orang yang kepadanya ia dikeluarkan, ia hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Suruhanjaya Tenaga.

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan. ”;

(d) dengan menggantikan Borang H dengan borang yang berikut:

“No. Siri:

JADUAL PERTAMA

(Subperaturan 103(2))

BORANG H

AKTA BEKALAN GAS 1993

PERAKUAN PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR GAS

Mengikut subperaturan 103(1) Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997, Perakuan ini dikeluarkan kepada

.....

(Nama Perniagaan)

dan memberikan kuasa kepada pemegang untuk menjalankan perniagaan sebagai KONTRAKTOR GAS (KELAS A/ KELAS B/KELAS C/KELAS D)* di

.....

(Alamat perniagaan dan cawangan)

bagi tempoh dari tarikh dikeluarkan/diperbaharui* seperti ditunjukkan di bawah.

Tempat dikeluarkan/diperbaharui	:	
Tarikh dikeluarkan/diperbaharui	:	
Tarikh luput	:	
No. Pendaftaran	:	
Fi	:	RM

.....
Bagi Pihak Suruhanjaya Tenaga

Nota:

1. Pembaharuan pendaftaran hendaklah dibuat dalam tempoh tidak kurang dari dua bulan sebelum tamat tempoh pendaftaran.
2. Sekiranya Perakuan ini berada dalam milikan orang lain selain orang yang kepadanya ia dikeluarkan, ia hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Suruhanjaya Tenaga.

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan. ”;

(e) dengan menggantikan Borang I dengan borang yang berikut:

"No. Siri:

JADUAL PERTAMA

(Subperaturan 116(2))

BORANG I

AKTA BEKALAN GAS 1993

*PERAKUAN KELULUSAN UNTUK MENGILANG/MEMASANG
GEGASAN GAS/PERKAKAS GAS/ AKSESORI GAS/ KELENGKAPAN**

Mengikut subperaturan 116(2) Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997, Perakuan ini dikeluarkan kepada

.....
.....
.....

(Nama Pengilang/ Pemasang)

untuk mengilang/memasang* gegasan gas/perkakas gas/aksesori gas/ kelengkapan* di

.....
.....
.....

(Alamat perniagaan)

bagi tempoh dua belas bulan dari tarikh dikeluarkan/diperbaharui seperti ditunjukkan di bawah:

Tempat dikeluarkan/diperbaharui	:
Tarikh dikeluarkan/diperbaharui	:
Tarikh luput	:
No. Pendaftaran	:
Fi	: RM

.....
Bagi Pihak Suruhanjaya Tenaga

Nota:

1. Pembaharuan Perakuan hendaklah dibuat dalam tempoh tidak kurang dari dua bulan sebelum tamat tempoh Perakuan.
2. Sekiranya Perakuan ini berada dalam milikan orang lain selain orang yang kepadanya ia dikeluarkan, ia hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Suruhanjaya Tenaga.

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan. ”;

(f) dengan menggantikan Borang J dengan borang yang berikut:

"No. Siri:

JADUAL PERTAMA

(Subperaturan 116(2))

BORANG J

AKTA BEKALAN GAS 1993

PERAKUAN KELULUSAN

UNTUK MENGIMPORT GEGASAN GAS/PERKAKAS GAS/ AKSESORI GAS/ KELENGKAPAN*

Mengikut subperaturan 116(2) Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997, Perakuan ini dikeluarkan kepada.....

.....

(Nama dan alamat pengimport)

dan memberikan kuasa kepada pemegang untuk mengimport gegasan gas/perkakas gas/ aksesori gas/kelengkapan* bagi tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada lima tahun dari tarikh dikeluarkan atau diperbaharui seperti ditunjukkan di bawah:

Tempat dikeluarkan/diperbaharui	:
Tarikh dikeluarkan/diperbaharui	:
Tarikh luput	:
No. Pendaftaran	:
Fi	: RM

.....
Bagi Pihak Suruhanjaya Tenaga

Nota:

1. Pembaharuan Perakuan hendaklah dibuat dalam tempoh tidak kurang daripada dua bulan sebelum tarikh tamat tempoh Perakuan.
2. Sekiranya Perakuan ini berada dalam milikan orang lain selain daripada orang yang kepadanya ia dikeluarkan, ia hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Suruhanjaya Tenaga.

* Potong mana-mana yang tidak berkenaan. ”;

(g) dengan menggantikan Borang K dengan borang yang berikut:

"No. Siri:

JADUAL PERTAMA

(Superaturan 117(2))

BORANG K

AKTA BEKALAN GAS 1993

*PERAKUAN KELULUSAN
GEGASAN GAS/PERKAKAS GAS/ AKSESORI GAS/ KELENGKAPAN*

Mengikut subperaturan 117(2) dari Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997, Perakuan ini dikeluarkan kepada

(Nama pengilang/pemasang)

untuk mengilang/memasang* gegasan gas/perkakas gas/aksesori gas/kelengkapan* di

(Alamat perniagaan)

Tempat dikeluarkan/diperbaharui	:
Tarikh dikeluarkan/diperbaharui	:
Tarikh luput	:
No. Pendaftaran	:
Fi	: RM

.....
Bagi Pihak Suruhanjaya Tenaga

Nota:

1. Pembaharuan Perakuan hendaklah dibuat dalam tempoh tidak kurang daripada dua bulan sebelum tarikh tamat Perakuan
2. Sekiranya Perakuan ini berada dalam milikan orang lain selain orang yang kepadanya ia dikeluarkan, ia hendaklah dikembalikan dengan segera kepada Suruhanjaya Tenaga.

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan. "; dan

(h) dengan menggantikan Borang L dengan borang yang berikut:

“No. Siri:

JADUAL PERTAMA

(Peraturan 138)


BORANG L

AKTA BEKALAN GAS 1993

No.

KAD PENGENALAN DIRI PEGAWAI DIBERI KUASA

Nama :
Kad Pengenalan No. :
Tandatangan Pemegang :



1. Pemegang kad ini yang nama seperti tertera di atas ialah pegawai yang dilantik sewajarnya di bawah seksyen 4A Akta Bekalan Gas 1993 (“Akta”).
2. Di bawah seksyen 5 Akta, orang ini boleh, bagi maksud menjalankan apa-apa tugas atau menjalankan fungsinya di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta, memasuki mana-mana tanah, rumah atau bangunan.
3. Mana-mana orang yang menjumpai kad ini hendaklah menyerahkannya kepada Suruhanjaya Tenaga.

Tarikh dikeluarkan :

.....
Bagi Pihak Suruhanjaya Tenaga”.

Penggantian Jadual Kedua

111. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

"JADUAL KEDUA

JADUAL 1

(Peraturan 13)

PENGELASAN TALIAN PAIP PENGAGIHAN ATAU SISTEM PERPAIPAN

(1) Bil.	(2) Kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	(3) Kriteria pengelasan
1.	Kelas I	(a) <i>Gas asli</i> Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan dengan tekanan operasi maksimum melebihi 60 psig. (b) <i>Gas petroleum cecair</i> (i) Sistem perpaipan dengan tangki storan melebihi kapasiti air agregat 10 kl di atas tanah atau sistem perpaipan dengan tangki penstoran bawah tanah tanpa mengambil kira kapasiti; atau (ii) Sistem perpaipan dengan tekanan operasi maksimum melebihi 20 psig selepas pengatur tahap pertama.
2.	Kelas II	(a) <i>Gas asli</i> Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan dengan tekanan operasi maksimum melebihi 5 psig tetapi tidak melebihi 60 psig. (b) <i>Gas petroleum cecair</i> (i) Sistem perpaipan dengan tangki storan tidak melebihi kapasiti air agregat 10 kl di atas tanah; (ii) Sistem perpaipan dengan silinder manifold melebihi kapasiti air agregat 2.5 kl (pengeluaran wap atau pengeluaran wap dan cecair dengan pengewap); atau (iii) Sistem perpaipan dengan tekanan pengoperasian maksimum melebihi 5 psig tetapi tidak melebihi 20 psig selepas pengatur tahap pertama.

(1) Bil.	(2) Kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	(3) Kriteria pengelasan
3.	Kelas III	(a) <i>Gas asli</i> Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan dengan tekanan operasi maksimum tidak melebihi 5 psig. (b) <i>Gas petroleum cecair</i> (i) Sistem perpaipan dengan silinder manifold tidak melebihi kapasiti air agregat 2.5 kl (pengeluaran wap atau pengeluaran wap dan cecair dengan pengewap); atau (ii) Sistem perpaipan dengan tekanan pengoperasian maksimum tidak melebihi 5 psig selepas pengatur tahap pertama.

JADUAL 2

(Peraturan 17, subperaturan 18(1), 81(3), 105(4), 106(4), 107(4) dan 108(4))

RUANG LINGKUP KERJA PELBAGAI KELAS ORANG KOMPETEN

(1) Bil.	(2) Orang kompeten	(3) Pengendorsan lukisan	(4) Pengendorsan perakuan siap	(5) Pengendorsan perakuan ujian	(6) Pembaikan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	(7) Penyenggaraan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	(8) Pengendalian talian paip pengagihan atau sistem perpaipan
1.	Jurutera gas	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Permintaan gas antara 18mmbtu/jam dan ke atas
2.	Penyelia kejuruteraan gas	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas II dan Kelas III	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Permintaan gas sehingga 100mmbtu/jam
3.	Jurugegas Gas						
	(a) Kelas I	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Permintaan gas sehingga 55mmbtu/jam

(1) Bil.	(2) Orang kompeten	(3) Pengendørsan lukisan	(4) Pengendørsan perakuan siap	(5) Pengendørsan perakuan ujian	(6) Pembaikan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	(7) Penyenggaraan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	(8) Pengendalian talian paip pengagihan atau sistem perpaipan
		Kelas II(b)(ii), Kelas II(b)(iii) dan Kelas III	Kelas II dan Kelas III	Kelas II dan Kelas III	Kelas II dan Kelas III	Kelas II dan Kelas III	
	(b) Kelas II	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	Permintaan gas melebihi 18mmbtu/jam sehingga 35mmbtu/jam
	(c) Kelas III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III (kerja pembaikan sahaja)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III (kerja pembaikan sahaja)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III (kerja pembaikan sahaja)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	

SUSUNAN 3

(Subperaturan 104(2), 105(2), 106(2), 107(2) dan 108(2))

RUANG LINGKUP KERJA PELBAGAI KELAS ORANG KOMPETEN

(1) Bil.	(2) Kelas kontraktor gas	(3) Reka bentuk talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	(4) Pemasangan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	(5) Pengujian	(6) Penjalanan	(7) Penyenggaraan dan pembaikan
1	Kelas A	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	Semua kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan
2	Kelas B	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas II(b)(ii), Kelas	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas II dan III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas II dan III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas II dan III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas II dan III

(1) Bil.	(2) Kelas kontraktor gas	(3) Reka bentuk talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	(4) Pemasangan talian paip pengagihan atau sistem perpaipan	(5) Pengujian	(6) Penjalanan	(7) Penyenggaraan dan pembaikan
		II(b)(iii) dan Kelas III				
3	Kelas C	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III
4	Kelas D	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III (kerja pembaikan sahaja)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III (kerja pembaikan sahaja)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III (kerja pembaikan sahaja)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III

JADUAL 4

(Perenggan 109(b))

ORANG KOMPETEN YANG DIKEHENDAKI BAGI KELAS TERTENTU KONTRAKTOR GAS

(1) Bil.	(2) Kontraktor Gas	(3) Standard Minima Orang Kompeten yang dikehendaki
1.	Kelas A	Jurutera gas dan Jurugegas gas Kelas I
2.	Kelas B	Penyelia kejuruteraan gas dan jurugegas gas Kelas I
3.	Kelas C	Jurugegas gas Kelas II
4.	Kelas D	Jurugegas gas Kelas III

”.

Penggantian Jadual Ketiga

112. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan jadual yang berikut:

"JADUAL KETIGA

(Peraturan 6, subperaturan 15(5) dan 16(3), peraturan 24, subperaturan 88(2) dan 89(2), peraturan 94, perenggan 100(e), subperaturan 101(1) dan 102(2), peraturan 111, subperaturan 114A(2), 115(6), 118(1) dan 118(3))

FI

BAHAGIAN I

1. Fi untuk menjalankan aktiviti di bawah seksyen 11 Akta:

(a) Lesen penggasan semula

Fi tahunan hendaklah berdasarkan kapasiti kemudahan yang berkaitan. Unit fi yang dikenakan adalah 0.5 sen/MMBTU.

(b) Lesen pengangkutan gas

Fi tahunan hendaklah berdasarkan keupayaan kapasiti kemudahan berkaitan. Unit fi yang dikenakan adalah 0.5sen/MMBTU.

(c) Lesen pengagihan gas

Fi tahunan hendaklah berdasarkan kapasiti kemudahan berkaitan. Unit fi yang dikenakan adalah 1.0 sen/MMBTU.

(d) Lesen pengimportan ke terminal penggasan semula

Melainkan dikecualikan oleh Suruhanjaya untuk satu tempoh yang akan ditetapkan, fi tahunan hendaklah berdasarkan kapasiti simpanan di kemudahan berkenaan. Unit fi yang dikenakan adalah 0.1 sen/MMBTU atau RM 5,000 setahun, mana-mana yang lebih tinggi.

(e) Lesen pengiriman gas

Fi tahunan hendaklah berdasarkan kapasiti simpanan di kemudahan yang berkaitan. Unit fi yang dikenakan adalah 0.1 Sen/MMBTU atau RM 5,000 setahun, mana-mana yang lebih tinggi.

(f) Lesen peruncitan gas

Fi tahunan hendaklah berdasarkan kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan seperti yang berikut:

RM setahun

(i)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas I	600.00
(ii)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas II	400.00
(iii)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	200.00

(g) Lesen gas persendirian

Fi tahunan hendaklah berdasarkan kelas talian paip pengagihan atau sistem perpaipan seperti yang berikut:

	RM setahun
(i) Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas I	300.00
(ii) Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas II	200.00
(iii) Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	100.00

2. Fi bagi Kelulusan Untuk Memasang dan Kelulusan Untuk Mengendali bagi talian paip pengagihan atau sistem perpaipan

	RM/Perakuan
(a) Pemprosesan dan pengeluaran Kelulusan Untuk Memasang	200.00
(b) Pemprosesan dan pengeluaran Kelulusan Untuk Mengendali	100.00

3. Fi bagi pemeriksaan dan ujian talian paip pengagihan atau sistem perpaipan

	Pemeriksaan	(RM)
(a) (i)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas I	300.00
(ii)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas II	200.00
(iii)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	100.00
(iv)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan tambahan	100.00
(b)	Ujian kebocoran	
(i)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas I	300.00
(ii)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas II	200.00
(iii)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan Kelas III	100.00
(iv)	Talian paip pengagihan atau sistem perpaipan tambahan	100.00
(c)	Ujian kelepasan	110.00

BAHAGIAN II

1. Fi bagi penggantian Perakuan Kekompetenan

	(RM)
(a) Jurutera gas	150.00
(b) Penyelia jurutera gas	100.00
(c) Jurugegas gas	50.00

2. Fi bagi pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran orang kompeten

	RM setahun
(a) Jurutera gas	150.00
(b) Penyelia jurutera gas	100.00
(c) Jurugegas gas	50.00

3. Fi bagi pemeriksaan

	(RM)
(a) Yuran pemprosesan peperiksaan	20.00
(b) Peperiksaan untuk Perakuan Kekompetenan sebagai jurutera gas	150.00
(c) Peperiksaan untuk Perakuan Kekompetenan sebagai penyelia jurutera gas	100.00
(d) Peperiksaan untuk Perakuan Kekompetenan sebagai jurugegas gas	50.00

4. Fi bagi pembatalan sekatan dan pengesahan Perakuan Kekompetenan

	(RM)
(a) Jurutera gas	150.00
(b) Penyelia jurutera gas	100.00
(c) Jurugegas gas	50.00

5. Fi Perakuan Kekompetenan sementara untuk orang asing

	RM setahun
(a) Jurutera gas	150.00
(b) Penyelia jurutera gas	100.00
(c) Jurugegas gas	50.00

6. Fi bagi pengesahan Perakuan Kekompetenan setara

	RM setahun
(a) Jurutera gas	150.00
(b) Penyelia jurutera gas	100.00
(c) Jurugegas gas	50.00

7. Fi bagi Perakuan Pendaftaran sebagai Kontraktor Gas

	Fi pengeluaran	Pembaharuan tahunan
	(RM)	(RM)
(a) Kelas A	3000.00	2000.00
(b) Kelas B	2000.00	1000.00
(c) Kelas C	1000.00	700.00
(d) Kelas D	500.00	300.00

8. Fi bagi pengeluaran dan pembaharuan Perakuan Kelulusan untuk orang yang memasang, mengilang atau mengimport apa-apa gegasan, perkakas gas, aksesori gas atau kelengkapan

Pengeluaran Perakuan Kelulusan		Fi (RM)				
		Satu tahun	Dua tahun	Tiga tahun	Empat tahun	Lima tahun
(a)	Pemasang/Pengilang	500	750	1,000	1,250	1,500
(b)	Pengimport	800	1,200	1,600	2,000	2,400

9. Fi bagi pembaharuan Perakuan Kelulusan untuk memasang, mengilang atau mengimport apa-apa gegasan gas, perkakas gas, aksesori gas atau kelengkapan

Pembaharuan Perakuan Kelulusan		Fi (RM)				
		Satu tahun	Dua tahun	Tiga tahun	Empat tahun	Lima tahun
(a)	Pemasang/Pengilang	250	500	750	1,000	1,250
(b)	Pengimport	400	800	1,200	1,600	2,000

10. Fi bagi pengeluaran dan pembaharuan Perakuan Kelulusan bagi penjualan apa-apa gegasan gas, perkakas gas, aksesori gas atau kelengkapan

	Fi pengeluaran (RM)	Fi pembaharuan tahunan (RM)
(a) Gegasan gas	100.00	100.00
(b) Kelengkapan	200.00	200.00
(c) Aksesori gas	200.00	200.00
(d) Perkakas gas	110.00	110.00

11. Fi bagi penggantian perakuan yang berikut:

	RM
(a) Perakuan Kelulusan di bawah subperaturan 116(6)	35.00
(b) Perakuan Kelulusan di bawah subperaturan 117(6)	35.00
(c) Perakuan Kelulusan di bawah subperaturan 118(3)	35.00
(d) Perakuan Pendaftaran Kontraktor Gas di bawah subperaturan 114A(2)	35.00

”.

Dibuat 11 Disember 2025

[EPU.S.25/16/68/SJ1 Jilid 5(10); PN(PU2)528/JLD.4]

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
Perdana Menteri

GAS SUPPLY ACT 1993

GAS SUPPLY (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

